

1. Para penonton memberikan sorakan yang gemuruh kepada _____ cakera yang h _____ itu.

- ☐ A lemparan
- ☐ B pelempar
- ☐ C terlempar
- ☐ D melempar

2. Kerukunan institusi kekeluargaan penting dalam pembentukan masyarakat _____.

- ☐ A disayangi
- ☐ B tersayang
- ☐ C penyayang
- ☐ D menyayangi

3. Masalah kewangan yang dihadapi oleh Pak Seman sering mengganggu _____nya.

- ☐ A fikiran
- ☐ B berfikir
- ☐ C berfikiran
- ☐ D pemikiran

4. _____ yang disampaikan oleh bekas perajurit negara itu ringkas tetapi mesej yang ingin disampaikan padatnya.

- ☐ A Ucapan
- ☐ B Berucap
- ☐ C Pengucap
- ☐ D Mengucap

5. Yuna membeli rantai kunci untuk kawan-kawan sekelasnya sebagai tanda _____.

- ☐ A ingatan
- ☐ B teringat
- ☐ C pengingat
- ☐ D mengingat

6. Pihak polis sedang merancang strategi untuk menangkap _____ yang paling dikehendaki itu.

- ☐ A pengganas
- ☐ B keganasan
- ☐ C mengganas
- ☐ D pengganasan

7. Para _____ buku tulisan novelis terkenal itu menantikan karya terbaharu beliau.

- ☐ A bacaan
- ☐ B terbaca
- ☐ C pembaca
- ☐ D membaca

8. Encik Morgan telah bertugas sebagai _____ awam di jabatan tersebut selama sembilan tahun.

- ☐ A ditadbir
- ☐ B pentadbir
- ☐ C mentadbir
- ☐ D pentadbiran

9. Kakak menerima _____ harga bagi sepasang baju kurung itu kerana dia merupakan pelanggan pertama butik yang baru dibuka itu.

- ☐ A pemotongan
- ☐ B memotong
- ☐ C pemotong
- ☐ D potongan

10. Puan Gina dan suaminya pergi ke pejabat _____ jual beli hartanah itu untuk membeli beberapa unit rumah di kawasan itu.

- ☐ A menguruskan
- ☐ B berurusan
- ☐ C pengurus
- ☐ D urusan

11. _____ terkenal itu telah banyak menyelesaikan kes hartanah klien-kliennya sejak lima tahun lepas.

- ☐ A Perguaman
- ☐ B Berguam
- ☐ C Peguam
- ☐ D Guaman

12. Kami ke perpustakaan untuk membuat _____ tentang sistem solar.

- ☐ A dirujuk
- ☐ B rujukan
- ☐ C perujuk
- ☐ D merujuk

13. _____ yang dijalankan oleh para saintis telah membuktikan bahawa daun sirih banyak mempunyai khasiat.


- ☐ A Pengajian
- ☐ B Mengkaji
- ☐ C Pengkaji
- ☐ D Kajian

14. Beliau bertugas sebagai anggota polis _____ untuk DYMM Yang di-Pertuan Agong.

- ☐ A seiring
- ☐ B iringan
- ☐ C pengiring
- ☐ D beriringan

15. Kami akan mengadakan _____ ke pusat jagaan warga emas pada bulan depan.

- ☐ A dilawati
- ☐ B pelawat
- ☐ C lawatan
- ☐ D melawat



16. Nenek menggunakan _____ kain itu untuk membuat sarung bantal.

- ☐ A kelebihan
- ☐ B berlebih
- ☐ C terlebih
- ☐ D lebihan

17. Rakyat Malaysia digalakkan supaya membeli barangan _____ Malaysia sebagai tanda sokongan terhadap barangan tempatan.

- ☐ A membuat
- ☐ B pembuat
- ☐ C buatan
- ☐ D dibuat

18. _____ diplomatik antara Malaysia dengan Brunei telah terjalin sejak sekian lama.

- ☐ A Hubungan
- ☐ B Berhubung
- ☐ C Penghubung
- ☐ D Perhubungan

19. Pemuda itu lebih gemar menjadi _____ jalanan daripada muncul di kaca televisyen.

- ☐ A hiburan
- ☐ B terhibur
- ☐ C berhibur
- ☐ D penghibur

20. Pembukaan kolam _____ ikan air tawar itu mendapat sokongan baik daripada seluruh penduduk kampung.

- ☐ A ternakan
- ☐ B penternak
- ☐ C menternak
- ☐ D penternakan